

Usaha perbanyakkan kemudahan sumber ilmu diteruskan — TPM

UM 11 NOV 2002

KOTA BHARU 10 Nov. — Kerajaan akan meneruskan usaha dan perancangan untuk membanyakkan lagi kemudahan bagi mendapatkan ilmu pengetahuan di kalangan rakyat kerana melaluinya, kemajuan negara dapat dicapai, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, kerajaan mahu rakyat menguasai ilmu pengetahuan dalam banyak bidang terutama bidang-bidang yang ada hubungkait dengan sains dan teknologi.

Katanya, bangsa Malaysia akan menjadi satu umat yang lemah sekiranya gagal menguasai ilmu pengetahuan.

“Jika sekiranya kita kurang maju dalam bidang pengajian untuk menguasai ilmu pengetahuan, maka kita tidak akan capai kemajuan. Kita akan menjadi satu umat yang lemah tanpa ilmu pengetahuan,” katanya ketika berucap di hadapan lebih 6,000 hadirin sempena Majlis Berbuka Pusa Bersama Rakyat di Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) di sini, hari ini.

Hadir sama antaranya, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, Timbalannya, Datuk Anuar Musa dan Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Ramli Abdul Rahman.

Abdullah berkata, penguasaan ilmu pengetahuan yang tinggi itu juga membolehkan umat Islam pada zaman itu memperoleh ilmu-ilmu baru yang ada hubungkait dengan sains, kejuruteraan, kedoktoran dan pelbagai cabang ilmu lainnya.

“Umat Islam ketika itu juga begitu rajin membuat penyelidikan tentang kemajuan sains dan teknologi bangsa-bangsa lain seperti Yunani dan Roman bagi membolehkan mereka menimba ilmu pengetahuan,” jelasnya.

Bagaimanapun, katanya, keadaan itu sangat berbeza sekarang apabila tiada satu pun negara Islam di bawah Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) yang mencapai status negara maju.

“Ini menunjukkan bahawa pada

keseluruhannya penguasaan kita terhadap ilmu pengetahuan masih lagi belum begitu tinggi. Maka sebab itulah ekonomi kita juga tidak menjadi ekonomi maju seperti negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat,” katanya.

Oleh sebab itulah tegasnya, kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menggariskan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Abdullah berkata, matlamat itu perlu dipenuhi tetapi ia hanya boleh diperolehi jika usaha memajukan bangsa Malaysia dengan ilmu pengetahuan dapat dilakukan.

“Maka sebab itulah kita mesti rancang kemajuan dalam bidang-bidang lain. Kita boleh basmi kemiskinan (kerana) kita tidak boleh rela orang kita terlalu ramai miskin. Maka usaha akan diteruskan sampai sekarang supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan ke peringkat yang rendah mungkin,” katanya.

Dalam hal ini tegas beliau, persediaan yang rapi perlu dilakukan bagi menghadapi persaingan termasuklah dalam aspek mewujudkan sistem pertahanan, keselamatan, keadilan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya yang boleh membantu Malaysia menguasai pelbagai bidang.

Menyentuh tentang perkembangan pendidikan di Kelantan, Abdullah memberitahu, Jabatan Pendidikan Negeri merupakan agensi kerajaan yang paling banyak menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang berjumlah RM1.079 bilion.

“Ini pada saya sudah elok benarlah kerana kita mahu belanja wang yang banyak untuk menyediakan sekolah-sekolah pada semua peringkat dan kita mahu menyediakan peluang-peluang yang bermutu untuk anak-anak kita supaya anak-anak kita dapat belajar dan mencapai kejayaan dalam bidang pengajian mereka,” ujarinya.